

Bunyi Bahasa Melayu

Definisi Fonologi

Fonologi ialah kajian mengenai pola bunyi bahasa, iaitu kajian mengenai bunyi-bunyi yang berfungsi dalam sesuatu bahasa.

Alat-alat sebutan

Bunyi bahasa dikeluarkan oleh alat-alat sebutan seperti berikut:

Bibir	Rongga tekak
Gigi	Rongga mulut
Gusi Lelangit keras	Rongga hidung
Lelangit lembut	Paru-paru
Anak tekak	Peti suara dan pita suara
Lidah	

Alat-alat sebutan dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:

(a) pengeluar (artikulator) - alat yang dapat digerak-gerakkan dengan bebas dan dapat diletakkan di beberapa kedudukan.

Contoh: hujung lidah, bibir lelangit lembut dan sebagainya.

(b) daerah pengeluar (artikulasi) - merupakan tempat-tempat yang dapat dicapai oleh artikulator. Contoh: gigi atas, gusi dan lelangit keras.

Penggolongan Bunyi Bahasa Melayu

Umumnya, dalam bahasa Melayu, terdapat tiga golongan bunyi iaitu **vokal**, **konsonan** dan **diftong**.

Kumpulan pertama ialah bunyi yang dihasilkan tanpa gangguan dalam rongga mulut.

Udara dari paru-paru keluar melalui rongga mulut dengan tidak tersekat atau terhimpit.

Bunyi itu hanya dipengaruhi oleh keadaan lidah dan bentuk bibir.

Kumpulan bunyi yang dihasilkan demikian dikenali sebagai **vokal**.

Golongan kedua ialah bunyi yang dihasilkan dengan gangguan oleh alat-alat sebutan sehingga jalan aliran udara dari paru-paru terganggu, dengan cara disekat atau dihalang dan udara keluar melalui rongga mulut atau rongga hidung.

Kumpulan bunyi yang terhasil dikenali sebagai **konsonan**.

Selain dua golongan utama itu, terdapat pula bunyi geluncuran, iaitu bunyi yang bermula daripada satu vokal dan beralih kepada bunyi vokal yang lain.

Geluncuran bunyi vokal ini dikenali sebagai **diftong**.

Contohnya bunyi [ai] bermula daripada bunyi vokal depan luas (a) dan meluncur kepada bunyi vokal depan sempit [i].

Vokal

Terdapat enam vokal dalam Bahasa Melayu. Lihat jadual di bawah.

Lambang fonetik	Contoh perkataan	Nota
[a]	anak, tanah, lada	
[è]	ela, semak, sate	
[i]	iring, kita, seri	
[ɔ]	emak, betul	Tidak terdapat di hujung perkataan
[o]	obor, botak, moto	
[u]	ular, sultan, saku	

Konsonan asli bahasa Melayu

Dalam bahasa Melayu terdapat 18 bunyi konsonan asli sembilan konsonan pinjaman.

Sembilan konsonan asli dapat hadir pada awal, tengah dan akhir perkataan iaitu p, t, m, n, /ng/, s, h, r dan l.

Konsonan b, d, g, c dan j hanya hadir pada akhir perkataan pinjaman seperti bab, had, beg, koc dan kolej. Huruf konsonan /ny/, w dan y tidak pernah terdapat pada akhir perkataan.

Konsonan ialah bunyi yang dihasilkan oleh aliran udara yang tersekat atau terhalang oleh salah satu alat sebutan seperti bibir, gusi, langit lembut, dan sebagainya dan udara dilepaskan melalui rongga mulut atau rongga hidung.

[p], [b], [t], [d], [k], [g], [q], [c], [j], [m], [n], [], [], [f], [v], [], [], [s], [z], [], [x], [], [h], [r], [l], [w], [y]

Fonem

Fonem ialah *unit bahasa terkecil* yang berfungsi.

Satu unit ujaran yang bermakna, atau perkataan, terdiri daripada beberapa unit bunyi, misalnya kata *palu*.

Kata ini terdiri daripada empat unit bunyi, iaitu *p, a, l, u*.

Unit-unit bunyi ini dipanggil *fonem*, iaitu unit terkecil yang berfungsi.

Jika *p* diganti dengan *m*, maka *palu* akan bertukar menjadi *malu*.

Oleh itu, *p* dan *m* adalah unit terkecil yang berfungsi kerana unit itu membezakan *maksud ujaran*.

Alofon

Fonem terdiri daripada anggota fonem yang dipanggil *alofon*.

Misalnya fonem *p* dalam *palu*, *lupa* dan *luap*.

Bunyi *p* dalam *palu* dan *lupa* diujarkan sebagai letupan bibir yang sempurna, tetapi dalam *luap*, bunyi *p* diujarkan sebagai letupan bibir yang tidak sempurna, yakni tidak diletupkan.

Dengan itu, daripada ketiga-tiga contoh kata di atas, fonem *p* mempunyai *dua* alofon.